**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN**
**LEMBAGA PENGURUSAN MPC**

| | |
|---|---|
| **TAJUK**<br>Keterangan: Tajuk Projek/ Cadangan | **PELAKSANAAN TINJAUAN PENDAPAT EKSEKUTIF (EOS) WORLD COMPETITIVENESS RANKING 2025** |
| **TARIKH/ GARIS MASA**<br>Keterangan: Jadual mula dan akhir pelaksanaan projek/ cadangan | Mac - Disember 2025<br><br>Perincian Garis Masa seperti di **Lampiran 1.** |
| **TUJUAN & LATAR BELAKANG**<br>Keterangan: Tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek | Malaysia berada di kedudukan ke-34 dalam kalangan 67 ekonomi perbandingan dalam laporan *World Competitiveness Ranking* (WCR) 2024, penurunan 7 anak tangga berbanding WCR 2023. Kedudukan daya saing negara dalam WCR menunjukkan pola penurunan sejak 2010. Kedudukan daya saing semasa negara memberi gambaran bahawa Malaysia perlu menilai semula strategi daya saingnya.<br><br>Pelan Tindakan Reformasi Daya Saing Negara dibangunkan melalui pendekatan Keseluruhan Kerajaan yang mengambil kira input, analisis dan pandangan kementerian dan agensi kerajaan yang mempunyai hubung kait dengan indikator-indikator daya saing. 136 pelan tindakan dirancang dan sebahagiannya dalam tempoh pelaksanaan mulai September 2024.<br><br>Pembangunan pelan tindakan ini adalah berteraskan tiga perkara utama iaitu Dasar (*Policy*), Rakyat (*People*), dan Psikologi (*Psychology*). Teras *Policy* dan *People* menjurus kepada 164 data kuantitatif dimana pada tahun 2025 ini 51 indikator keutamaan telah dipilih dan pelan tindakan di bawahnya akan dilaksanakan pada tahun ini<br><br>Manakala teras *Psychology* berfokus kepada 92 data persepsi. Teras ini memfokuskan kepada peningkatan keyakinan dan sentimen positif dalam kalangan komuniti perniagaan, dengan 4 tindakan khusus. Tindakan utama bagi teras *Psychology* ialah pelaksanaan simulasi *Executive Opinion Survey* (EOS) secara berkala untuk memantau dan mendalami faktor-faktor yang mempengaruhi sentimen perniagaan terhadap 92 indikator *soft data* dalam WCR.<br><br>Antara tujuan utama tindakan di bawah teras ini ialah mendalami pemahaman komuniti perniagaan terhadap indikator-indikator *soft data* dalam WCR, mengenal pasti cabaran yang dihadapi responden ketika menjawab soalan, dan memastikan penyampaian maklumat tepat mengenai dasar dan usaha Kerajaan dalam membina ekosistem yang kondusif untuk aktiviti ekonomi berkembang. |

**JUSTIFIKASI**
Keterangan: Penjelasan yang menyokong kepada pelaksanaan projek/ cadangan

Berdasarkan Laporan WCR 2024, sebanyak 72 inidkator *soft data* bagi Malaysia mencatatkan penurunan berbanding 2023.

Berikut adalah analisis ringkas bilangan indikator *soft data* berdasarkan 4 faktor daya saing.

| Faktor | *Soft Data* | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | **Naik** | **Turun** | **Kekal** | |
| **Prestasi Ekonomi** | 0 (0%) | **2 (100%)** | 0 (0%) | **2** |
| **Kecekapan Kerajaan** | 6 (21% | **19 (68%)** | 3 (11%) | **28** |
| **Kecekapan Perniagaan** | 5 (13% | **31 (82%)** | 2 (5%) | **38** |
| **Infrastruktur** | 4 (17%) | **20 (83%)** | 0 (0%) | **24** |
| **Jumlah** | 15 | **72** | 5 | **92** |

**KAEDAH PELAKSANAAN**
Keterangan: Kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek

i. Bengkel / Libat Urus / Mesyuarat / Perbincangan
ii. Temuduga secara bersemuka
iii. Penulisan Laporan

***STAKEHOLDERS*/ PIHAK BERKEPENTINGAN**
Keterangan: Pihak atau kumpulan yang menerima kesan positif mahupun negatif daripada projek yang dijalankan

i. Komuniti Perniagaan

**JANGKAAN HASIL/ *OUTCOME***
Keterangan: Apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan

i. Peningkatan daya saing Malaysia kepada kedudukan ke-27 pada tahun 2025; dan
ii. Peningkatan tahap sentimen komuniti peniaga terhadap tindakan reformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan

**KUMPULAN SASAR**
Keterangan: Individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan

i. Komuniti Perniagaan

Rujuk perincian *sampling* responden di **Lampiran 3**.

**SUMBER BAJET/ KOS**
Keterangan: Sumber bajet / jumlah kos yang terlibat.

**JUMLAH: RM199,200.00**

FORE (DE): RM136,600.00
PCD (OE): RM62,600.00

Rujuk perincian peruntukan yang diperlukan di **Lampiran 2**.

**HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA**
Keterangan: Pendapatan yang diterima daripada projek

N/A

| | |
|---|---|
| **SYOR**<br>Keterangan: Keputusan yang diperlukan daripada Lembaga Pengurusan MPC | Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan cadangan untuk meluluskan permohonan **peruntukan bagi Pelaksanaan Tinjauan Pendapat Eksekutif (EOS)** ***World Competitiveness Ranking*** **2025** dengan menggunakan peruntukan FORE berjumlah RM136,600.00 dan peruntukan mengurus PCD (NCS) berjumlah RM62,600.00. |
| **UNIT/ BAHAGIAN** | Seksyen Daya Saing Negara/ PCD |

**Sila lampirkan maklumat-maklumat lain yang berkaitan sekiranya perlu.
(Contoh: Agenda program, perincian kos, pelan risiko, gambar rajah, lakaran pelan, senarai nama, carta Gantt, dll.)

| Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain.<br>Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan. |
|---|
| **DISOKONG OLEH:**<br><br>**NAMA PEGAWAI PENJAGA BAJET PEMBANGUNAN**<br>Jawatan:<br>Nama Bajet:<br>Tarikh: |

| **Wajib diisi | **Wajib diisi | Permohonan memadai disemak sehingga peringkat Penyelia. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan |
|---|---|---|
| **DISEDIAKAN OLEH:**<br><br>**NURUL AIN ALIA ABULLAH ZAWAWI**<br>Pengurus<br>26 Februari 2025 | **DISEMAK OLEH:**<br><br>**WAN FAZLIN NADIA WAN OSMAN**<br>Pengarah<br>26 Februari 2025 | **DISAHKAN OLEH:**<br><br>**WAN FAZLIN NADIA WAN OSMAN**<br>Pengarah<br>26 Februari 2025 |

**LAMPIRAN 1**

## GARIS MASA PELAKSANAAN TINJAUAN PENDAPAT EKSEKUTIF (EOS) WORLD COMPETITIVENESS RANKING 2025

| Bil. | Sub-Aktiviti | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Julai | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | Jangkaan Output |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Pentadbiran** | | | | | | | | | | | | | |
| 1 | Semakan terjemahan EOS WCR 2025 dari IMD | **1-Jun** | | | | | | | | | | | |
| 2 | Pembangunan Sampling Responden (Mengenalpasti responden berdasarkan maklumat responden dari IMD (Sektor, Saiz)) | **14 - 28** | | | | | | | | | | | |
| 3 | Penyediaan BOM | | | | | | | | | | | | |
| **Utama** | | | | | | | | | | | | | |
| **1. EOS IMD (Sebenar)** | | | | | | | | | | | | | |
| 4 | Bengkel Pembangunan Kapasiti bersama Pegawai Daya Saing | | **14-16** | | | | | | | | | | |
| 5 | Tempoh pelaksanaan EOS 2025 (secara dalam talian) | | **1 Mac – 17 Apr** | | | | | | | | | | |
| 6 | Perlaksanaan EOS secara bersemuka oleh Pegawai Daya Saing | | **1 Mac – 17 Apr** | | | | | | | | | | |
| 7 | Tarikh akhir pertama oleh IMD untuk Suvey EOS 2025 (*allowed extension*) | | | **17-Apr** | | | | | | | | | |
| 8 | Penghantaran 'Cabaran Utama 2025' kepada IMD | | | **17-Apr** | | | | | | | | | Senarai cabaran daripada peniaga |
| 9 | Tarikh akhir Suvey EOS 2025 (*final deadline*) | | | **30-Apr** | | | | | | | | | |

| Bil. | Sub-Aktiviti | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Julai | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | Jangkaan Output |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2. EOS Berkala** | | | | | | | | | | | | | |
| 4 | Lantikan dan perbincangan bersama pembekal bagi pelaksanaan EOS berkala | | | | | | ■ | | | | | | |
| 5 | Email Soalan Survei kepada responden | | | | | | ■ | | | | | | |
| 6 | Pengumpulan Respon | | | | | | ■ | ■ | | | | | |
| 8 | Analisis Dapatan Survei | | | | | | | ■ | | | | | |
| 9 | Penulisan Laporan EOS (Fasa 1) | | | | | | | ■ | ■ | | | | Draf pertama laporan EOS |
| 10 | Semakan pertama Laporan EOS | | | | | | | | ■ | | | | |
| 11 | Pembentangan Laporan EOS kepada Pengurusan | | | | | | | | ■ | | | | |
| 12 | Pengemaskinian Laporan | | | | | | | | ■ | | | | Laporan Akhir EOS |
| 13 | Penyediaan Slaid Pembentangan Analisis EOS untuk JKDSN | | | | | | | | ■ | | | | Slaid pembentangan EOS |
| 14 | Pembentangan Dapatan EOS kepada JKDSN | | | | | | | | ■ | | | | |

**LAMPIRAN 2**

**ANGGARAN PERUNTUKAN BAGI PELAKSANAAN TINJAUAN PENDAPAT EKSEKUTIF (EOS) WORLD COMPETITIVENESS RANKING 2025**

| No. | Perkara | Perincian | Kategori | Kos (RM) | Penggunaan Peruntukan (DE/OE) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Perkhidmatan Penulis Laporan (dalam format slaid pembentangan) | RM100.00 x100 mukasurat | P29112 | 10,000.00 | FORE (DE) |
| 2 | Perkhidmatan Pakar Rujuk (SME) | RM400 x 2 jam x 120 syarikat x 1 SMEs | P29105 | 96,000.00 | |
| 3 | Perkhidmatan Fasilitator | RM2,000 x 2 hari x 2 orang x 2 bengkel | P29105 | 16,000.00 | |
| 4 | Perkhidmatan Fasilitator (Penjawat Awam) – Borang B | RM2,000 x 2 hari x 1 orang x 2 bengkel | P29404 | 8,000.00 | |
| 5 | Pakej Makan Minum – Peserta Luar | RM33 x 2 hari x 20 peserta x 5 bengkel | P29401 | 6,600.00 | |
| 6 | Pakej Makan Minum – Kakitangan MPC | RM33 x 20 peserta x 10 sesi | P29408 | 6,600.00 | OE |
| **7** | **Pakej Residensi (Makan, minum termasuk penginapan) *** | **RM500 x 2 hari x 40 peserta x 1 bengkel** | **P29407** | **40,000.00** | |
| 8 | Claims (Mileage, Meals, Toll Taxi/Grab) | RM100 x 1 pegawai MPC x 120 sesi temuramah | P21101 | 12,000.00 | |
| 9 | Tiket Penerbangan Kakitangan MPC (Sabah, Sarawah, Terengganu dan Kelantan shj.) | RM1,000 x 4 pegawai MPC | P21199 | 4,000.00 | |
| | | | **Jumlah (RM)** | **199,200.00** | |
| | | | **Anggaran Kos Keseluruhan (RM)** | **136,600.00** | **FORE (DE)** |
| | | | | **62,600.00** | **OE** |

*Nota: Perkara #7 ini telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah MPC di dalam sesi Taklimat Pelaksanaan Tinjauan Pendapat Eksekutif (EOS) *World Competitiveness Ranking* 2025 bersama Pengarah-Pengarah pada 18 Februari 2025. Sekiranya, ILA dapat menyediakan kemudahan-kemudahan seperti Sajian bersahur dan berbuka serta berdekatan dengan Masjid), pihak kami akan melaksanakan bengkel ini di ILA.

**LAMPIRAN 3**

**SAMPLING RESPONDEN BAGI PELAKSANAAN TINJAUAN PENDAPAT EKSEKUTIF (EOS) WORLD COMPETITIVENESS RANKING 2025**

# Saiz Sample EOS 2025

120 Responden
(Panel Data)

| Industri | |
|---|---|
| Perkhidmatan | 59% |
| Pembuatan | 24% |
| Pertanian | 7% |
| Perlombongan & Pengkuarian | 6% |
| Pembinaan | 4% |

**Saiz Syarikat**




| Lokasi Syarikat | |
|---|---|
| 25% | Selangor |
| 17% | W.P Kuala Lumpur |
| 9% | Pulau Pinang |
| 9% | Johor |
| 9% | Sarawak |
| 7% | Sabah |
| 5% | Perak |
| 5% | Pahang |
| 4% | Kedah |
| 3% | Negeri Sembilan |
| 3% | Melaka |
| 3% | Terengganu |
| 2% | Kelantan |
| 1% | Perlis |



Nota: Pecahan ini adalah berdasarkan sumbangan KDNK bagi setiap sektor dan negeri